

Sungai hadapi kesan pembangunan

RAWANG – Pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di harap memantau tindakan pihak terlibat sehingga mencekmarkan air sungai sekitar kawasan Emerald berhampiran Jalan Rawang-Bandar Tasik Puteri, di sini.

Penduduk, Mohd Salihin Omar, 32, berkata, aktiviti pembangunan sedang pesat dijalankan di situ berkemungkinan menyebabkan ada yang mengambil jalan singkat dengan membuang sisa tertentu ke sungai sehingga ia kelihatan kehitaman.

“Sungai di sini sudah tercemar mungkin sebab banyak premis kilang terdapat di sini. Kita khuatir jika keadaan tidak dipantau lebih awal, keadaan menjadi



Keadaan air sungai di kawasan Emerald bersebelahan Jalan Rawang-Bandar Tasik Puteri.

lebih serius,” katanya.

Sementara itu, penduduk asal tinggal di situ A Balakrishnan, 41,

berkata, tidak menafikan sungai berkenaan boleh digunakan untuk mandi sejak 30 tahun lalu.

Namun kini katanya, rata-rata sungai terutama di kawasan Rawang sudah tercemar.